

D345

U 8085 AAB
MAHATHIR - SIHANOUK R R R
(I)

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA PERCAYA KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA (CGDK) PERLU TERUS BERUSAHA MEMPERERATKAN PERPADUAN DI KALANGAN PARA PEJUANG PEMBEBASAN KAMPUCHEA PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

PERPADUAN MEREKA AMAT PENTING BAGI MENJAMIN KEJAYAAN PERJUANGAN MEREKA DI SAMPING KEBERKESANANNYA DALAM PERJUANGAN POLITIK, DIPLOMATIK DAN KETENTERAAN MEREKA DENGAN VIETNAM, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM UNTUK MERAIKAN PRESIDEN CGDK PUTERA NORODOM SIHANOUK DI SRI PERDANA DI SINI.

BELIAU BERKATA MALAYSIA MENDAPATI ADANYA TANDA-TANDA YANG MENGGALAKKAN DALAM PERJUANGAN PASUKAN PENENTANGAN KHMER AKHIR-AKHIR INI, TERUTAMA ASPEK PERPADUAN DAN KELANCARAN PERGERAKAN PASUKAN-PASUKAN PATRIOTIK CGDK SERTA TAHAP KERJASAMA DALAM PERJUANGAN PEMBEBASAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEGASKAN SEKALI LAGI SOKONGAN MALAYSIA KEPADA CGDK DAN MENAMBAH BAHAWA MALAYSIA AKAN MELAKUKAN APA SAHAJA UNTUK MEMASTIKAN MASYARAKAT ANTARABANGSA AKAN TERUS MENYOKONG PERJUANGAN KAMPUCHEA DI BANGSA-BANGSA BERSATU DAN FORUM-FORUM LAIN.

-- LAGI.
2234MST 22 08 86

D349

U 8087 AAB
MAHATHIR - SIHANOUK 2 KUALA LUMPUR R R R
(I)

BELIAU BERKATA BAHAWA MALAYSIA TERLIBAT SECARA AKTIF BERSAMA-SAMA RAKAN-RAKANNYA DALAM ASEAN DALAM ROMBONGAN YANG MELAWAT AFRIKA TIMUR DAN BARAT, ASIA BARAT DAN AMERIKA LATIN UNTUK MENDAPAT SOKONGAN YANG BERTERUSAN BAGI KAMPUCHEA DI SAMPING MENERANGKAN CADANGAN LAPAN PERKARA DARIPADA CGDK.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN CADANGAN ITU YANG DIBUAT PADA BULAN MAC SEBAGAI CADANGAN YANG +MEMBINA DAN WAJAR+ YANG MENGGAMBARAKAN KESEDIAAN CGDK BERTOLAK ANSUR UNTUK MENCAPAI HASRATNYA MENAMATKAN PERTIKAIAN ITU.

SEBALIKNYA PENOLAKAN VIETNAM YANG BERULANG-KALI TERHADAP CADANGAN ITU MENJADI BUKTI NYATA TENTANG PENDIRIANNYA YANG TIDAK MAHU BERTOLAK ANSUR, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

DALAM UCAPAN BALASNYA PUTERA SIHANOUK BERKATA BAHAWA PASUKAN CGDK TELAH MENCAPAI KEMAJUAN YANG MENGGALAKKAN APABILA PENENTANGAN YANG SEMAKIN AKTIF JUGA DILAKUKAN OLEH RAKYAT KAMPUCHEA DI TANAH AIR MEREKA.

+BAGAIMANAPUN KAMI PERLU BERSEDIA UNTUK MEMBUAT PENGORBANAN YANG LEBIH BESAR DAN LEBIH BERUSAHA MENGGALAKKAN RAKYAT DI TANAH AIR KAMI MENYERTAI KAMI MENENTANG PENCEROBOH VIETNAM ITU,+ KATANYA. -- LAGI.
2242MST 22 08 86

D351

U 8089 AAB
MAHATHIR - SIHANOUK 3 KUALA LUMPUR R R R
(I)

PUTERA SIHANOUK, YANG DIIRINGI OLEH ANAK LELAKINYA, PUTERA NORODOM RANARIDDH, TIBA DI SINI HARI INI UNTUK LAWATAN LIMA HARI YANG MERUPAKAN LAWATAN TERAKHIR DALAM SIRI LAWATANNYA KE EMPAT NEGARA. SEBELUM INI BELIAU MELAWAT SINGAPURA, BANGKOK DAN JAKARTA.

ESOK BELIAU DIJADUAL BERUNDING DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR DI PEJABAT PERDANA MENTERI DI SINI. -- BERNAMA.
2244MST 22 08 86